

'Kempen kafir mengkafir PAS perlu disekat'

Bahan asal dari Arkib
Negeri Malaysia

KOTA BAHRU, Jumaat — Isu kafir-mengkafir yang dibangkitkan oleh pemimpin PAS boleh menghancurkan masa depan orang Melayu, sekiranya usaha membendung dan tindakan tegas tidak diambil ke atas golongan itu.

"Tindak-tanduk golongan itu melalui isu tersebut terus menggugat paduan masyarakat Melayu dan umat Islam serta keselamatan negara ini terdedah kepada musuh."

Demikian ditegaskan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Rantau Panjang, Encik Mohamad Jusof di upacara peresmian kursus politik dan ekonomi anjuran Pergerakan Bahagian itu, di Kampung Tiang Chandi, Pasir Mas, 33 km dari sini.

Belliau menyeru Kerajaan membuat penyiasatan dan kajian rapi terhadap pemimpin-pemimpin PAS kerana dikhuatiri telah terpengaruh dengan anasir-anasir yang tidak diinginkan seperti komunis.

Encik Mohamad Jusof berkata, Pemuda UMNO Bahagian itu terlalu bimbang dan ragu dengan apa yang berlaku terhadap orang-orang Melayu negeri ini akibat dari isu kafir-mengkafir itu.

Belliau mengingatkan setiap ahli parti supaya tidak lalai dan leka dalam perjuangan politik, lebih-lebih lagi di dalam menghadapi PAS di Kelantan kerana selalunya 'pelanduk lupakan jerat dan jerat tidak lupakan pelanduk'.

Tegasnya, ahli-ahli pemuda selaku sayap kanan parti, wajib membina satu barisan atau benteng yang kukuh dalam menghadapi Tabaran-cabaran tersebut.

"Kita tidak rela Negeri Kelantan yang baru bertunas dengan pembangunan rohani dan jasmani ini menempuh zaman gelap semula setelah 18 tahun di dalam pemerintahan PAS", ujarnya.

Benteng

Encik Mohamad mengingatkan, cabaran-cabaran di hadapan kita amat besar, di mana musuh-musuh Islam, anasir anti-nasional dan komunis sedang menggunakan semua bidang untuk mencapai maksud mereka dan kita Pemuda UMNO bertanggungjawab menegakkan kehidupan umat yang terjamin keselamatannya.

"Amat malang sekaliandainya kita semua lalai dan tidak mampu menjadikan diri kita sebagai benteng bagi menghadapi cabaran dari golongan-golongan yang memperalatkan Islam untuk kepentingan politik, memecah-belah perpaduan orang Melayu serta mengeluarkan fitnah-fitnah sesama Islam," ujarnya.

Encik Mohamad menegaskan perpaduan semua peringkat ahli UMNO merupakan senjata penting bagi mempertahankan Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO di Kelantan.

"Perpecahan di kalangan kita bererti memberi kemenangan kepada PAS. Inilah dilemma politik yang mesti dibendung", tambahnya.